



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 03/05

SERAMAI 500 VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DIiktiraf Menerusi PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA OLEH YANG BERHORMAT MENTERI PERTAHANAN

1. JOHOR BAHRU, 12 Mei 2024 - Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia kepada 500 orang Veteran ATM, balu serta wakil waris di Dewan Serbaguna Majlis Bandaraya Iskandar Puteri Johor Bahru, Johor, hari ini.
2. Penganugerahan ini adalah merupakan kurniaan atas sikap keperwiraan dan pengorbanan veteran ATM yang telah berkhidmat serta melaksanakan kewajipan mereka kepada negara. Majlis ini melibatkan seramai **505 orang penerima** yang terdiri daripada **485 Veteran ATM, 10 orang berkerusi roda dan OKU, 8 orang balu serta 2 orang wakil waris**.
3. Mereka diraikan oleh YB MENHAN sebagai tanda menghargai pengorbanan dan perjuangan yang tidak berbelah bahagi veteran ATM yang bertugas semasa darurat dahulu. Sesuai dengan tarafnya sebagai "*campaign medal*", penerima Pingat Jasa Malaysia (PJM) telah dimartabatkan sebagai pingat yang lebih kanan dalam susunan berbanding dengan anugerah-anugerah yang sama kelas dengannya.
4. Kemakmuran dan keharmonian hidup kita sehingga hari ini adalah hasil daripada pengorbanan yang dicurahkan oleh anggota tentera dan veteran ATM kita. Mereka tanpa mengira jerih perih mencurahkan segala jasa dan bakti tanpa meminta balasan. Masa mereka dihabiskan untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan. Melalui Majlis Penganugerahan PJM, ini membuktikan bahawa kebijakan warga Veteran ATM adalah keutamaan Kementerian Pertahanan Malaysia.
5. Melalui Teras 7 Pelan Strategik MINDEF, Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM amat menitikberatkan segala jasa pengorbanan mereka kepada negara adalah setimpal. Objektif utama Kerajaan adalah untuk mentransformasikan Veteran ATM dan tanggungan ke arah kehidupan yang lebih wajar dan selesa dengan menggunakan pendekatan *Government to Government (G-to-G)* dan *Corporate Social Responsibility (CSR)* khususnya dalam penyediaan keperluan asas meliputi pembinaan dan baik pulih rumah, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, pengiktirafan dan lain-lain.
6. Sehubungan itu, MINDEF juga telah merangka lebih banyak program-program dan aktiviti-aktiviti bersama veteran ATM sebagai bukti komitmen Kerajaan dalam memastikan aspek kehidupan Veteran ATM serta tanggungan mereka lebih terjamin.

7. Hadir semasa Majlis berlangsung adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman; Panglima Medan Barat TD, Leftenan Jeneral Dato' Pahlawan Haji Muhammad Huzaimi bin Sabri, Datuk Bandar Bandaraya Iskandar Puteri, Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, AKS OLP, Mejar Jeneral Dato' Haji Noorul Azril bin Ariffin, Ketua Pengarah JHEV ATM, Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, serta wakil persatuan negeri Johor.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

12 Mei 2024 (dikeluarkan pada jam 1.00 petang)